

UUMONLINE: Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM) mengedarkan bubur lambuk di sekitar Kuala Perlis, petang ,kelmarin.

Menurut Penyelaras Penyediaan Bubur Lambuk UUM, Ustaz Ahmad Zabadi Mokhtar setiap hari 10 periuk bubur lambuk disediakan untuk diagihkan kepada warga kampus dan penduduk sekitar.

Katanya, bubur lambuk yang disediakan itu mempunyai ramuan tersendiri yang dihasilkan oleh tukang masak khas dari universiti ini.

Menurut Ahmad Zabadi lagi kos yang ditanggung untuk menghasilkan bubur ini mencecah sehingga RM30 ribu sepanjang bulan puasa ini.

Katanya peruntukkan ini dibiayai oleh pihak universiti dan sumbangan daripada jabatan dan warga kampus.

Setiap tahun Pusat Islam UUM menyediakan bubur lambuk di bulan puasa untuk diagihkan kepada warga kampus, penduduk sekitarnya.

Habis.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my